

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**
PTAR Shah Alam - muka 4



**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30



Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



**LAWATAN PRE-MOCK AUDIT AKREDITASI PENGAJIAN
KEJURUTERAAN AWAM
13 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam



Pada 13 April 2022, PTAR UiTM CPP telah menerima kunjungan daripada Brig Jen Prof. Ir. Dr. Norazman Bin Mohamad Nor daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) selaku panel lawatan pre-mock audit akreditasi bagi kursus "Bachelor of Engineering (Hons) Civil (Infrastructure) – EC221, Pengajian Kejuruteraan Awam.

Sepanjang lawatan tersebut, taklimat ringkas tentang perkhidmatan dan kemudahan PTAR telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTM CPP. Beliau juga telah dibawa melawat kemudahan yang terdapat di perpustakaan antaranya Pusat IT, ruangan bacaan, bilik-bilik diskusi serta koleksi bahan bacaan yang terdiri daripada buku-buku rujukan, buku teks dan bahan bacaan umum.

Semoga taklimat dan lawatan berpandu yang telah disampaikan kepada beliau dapat memenuhi objektif lawatan yang telah dijadualkan.

